

UMSKAL sertai tarik tali di UniMAP Perlis

UB 00-6-13 A15

LABUAN: Pasukan tarik tali Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) akan mewakili UMS ke Kejohanan Sukan Persatuan Badan-Badan Berkanun Malaysia kali ke-8 pada 24 Jun - 2 Julai di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Perlis.

Pengarah pasukan tarik tali UMSKAL, Maidi Latip berkata seramai 10 penarik akan menyertai acara itu iaitu Casie Clarieshame Sinius, Abdul Rahim Warset, Mohd Riaduan Taib, Roji Sinun, Jamberi Sahari, Mazlan Jumat, Rayme Musa, Mohd Edwan Jamil, Azmi Idris dan Mohd Hafiz Basir.

Katanya, inilah pertama kali UMSKAL atau D'1 KAL Tug Team menyertai acara berkenaan di peringkat kebangsaan.

Beliau yang dibantu pengurus pasukan Mohd Ali Kassim berkata pasukan tarik tali

UMSKAL merupakan johan acara itu di Kejohanan Sukan Staf UMS pada 2011 dan 2012 di Kota Kinabalu.

Katanya, pasukan itu juga pernah menyertai kejohanan tarik tali terbuka sempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan Labuan 2013.

Sementara itu, jurulatih Mazlan Jumat berkata pasukan itu telah mengadakan perlawanan persahabatan dengan pasukan tempatan termasuk Perbadanan Labuan, Kampung Bukit Kuda, Layang-Layangan, Kilan dan Sungai Bedaun.

"Kami akan cuba sedaya upaya untuk meraih kedudukan terbaik di kejohanan itu," katanya.

Pasukan UMSKAL berada dalam Kumpulan C bersama Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia



ISMAIL (berdiri, empat dari kiri) bersama pasukan tarik tali UMSKAL yang akan menyertai Kejohanan Sukan Persatuan Badan-Badan Berkanun Malaysia 2013 di UniMAP, Perlis.

(UKM),

Beliau berkata demikian selepas mengadakan kunjungan hormat terhadap Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Ismail Ali di pejabatnya di

Tingkat 13, Bangunan Menara, Selasa lalu.

Ismail berharap semua peserta akan menjaga nama baik UMSKAL kerana mereka merupakan duta kecil kepada universiti.